

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
[PENDANG - BN]**

TARIKH : 31 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN NO. 62

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sebab-sebab kemerosotan sukan bola sepak dan badminton di negara ini.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengakui bahawa skuad utama bola sepak kebangsaan masih lagi mengalami kejatuhan prestasi jika diukur berdasarkan ranking ke-167 yang dikeluarkan oleh FIFA pada bulan Julai 2017. Kejatuhan ranking ini disebabkan kekalahan 1-2 kepada Lebanon pada saingan Kelayakan Piala Asia 2019 pada 13 Jun 2017 lalu serta pasukan senior tidak mempunyai perlawanan persahabatan antarabangsa kelas A FIFA disebabkan kepadatan jadual Liga Malaysia yang sedang berlangsung.
2. Walau bagaimanapun, **Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN/NFDP)** yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan merupakan platform terbaik dalam usaha kita mengembalikan kegemilangan bola sepak negara. Buat masa ini PPBN sedang melatih seramai **23 ribu** pelatih di seluruh negara yang dipantau oleh **1,000 jurulatih** separuh dan sepenuh masa.
3. Manakala kemerosotan prestasi tidak berlaku pada sukan badminton negara. Ini adalah berdasarkan pencapaian yang sangat baik ketika meraih **tiga pingat perak bagi acara perseorangan lelaki, beregu lelaki dan beregu campuran di temasya Sukan Olimpik Rio 2016** yang lalu. Selain itu, pasukan badminton remaja negara juga berjaya meraih naib juara di Kejohanan Badminton Dunia Remaja 2016 yang

SULIT

diadakan di Bilbao, Sepanyol apabila tewas 0-3 dengan negara China di perlawanan akhir.

4. KBS telahpun menyediakan **Akademi Badminton Kebangsaan** yang diuruskan oleh Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dalam memastikan kesinambungan pemain-pemain badminton negara yang cemerlang di peringkat antarabangsa sentiasa dapat dilahirkan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (63)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 31 JULAI 2017
[ISNIN]

DARIPADA : YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]

SOALAN :

YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kaedah strategik bagi Sabah dalam mengintegrasikan ekonominya secara wilayah dengan kawasan di bawah Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur - Brunei/Indonesia/Malaysia/Filipina (BIMP-EAGA) bagi menjadikan ekonomi negeri ini lebih mantap dan dinamik.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA)* yang ditubuhkan semenjak tahun 1994 telah berjaya membawa pelbagai pembangunan khususnya bagi negeri Sabah. Melalui platform BIMP-EAGA ini, peranan dan sumbangan daripada setiap sektor kerjasama diperkukuhkan melalui perancangan dan pelaksanaan secara strategik. Bidang-bidang kerjasama BIMP-EAGA meliputi bidang pelaburan, perdagangan dan pelancongan. Kawasan BIMP-EAGA mempunyai seramai 73.1 juta penduduk pada tahun 2015, dengan seramai 32.5 juta atau 18.2% daripada penduduk tersebut merupakan tenaga kerja yang aktif. Penduduk di kawasan BIMP-EAGA mewakili 11.6% daripada penduduk di kawasan ASEAN.

Semasa Sidang Kemuncak ke-12 BIMP-EAGA pada 29 April 2017 di Manila, Filipina, Ketua-Ketua Negara/Ketua Kerajaan BIMP-EAGA telah menerima dan memperaku dokumen *BIMP-EAGA Vision 2025 (BEV2025)* iaitu dokumen kesinambungan kepada *BIMP-EAGA Implementation Blueprint 2012-2016*. BEV 2025 menetapkan sasaran untuk menjadi sebuah wilayah yang berdaya saing dan mampan dengan penekanan kepada penggunaan teknologi hijau, sektor agro pertanian dan perikanan yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim bumi dan sebagai destinasi pelancongan premium.

Ketua-Ketua Negara/Ketua Kerajaan BIMP-EAGA juga bersetuju dan memperakui kepentingan kesalinghubungan (*connectivity*) sebagai pemangkin kepada akitiviti perdagangan di wilayah BIMP-EAGA. Sehubungan itu, beberapa projek telah disenaraikan di bawah Projek Infrastruktur Utama (PIP) di bawah BEV2025 dan akan dilaksanakan oleh keempat-empat negara anggota BIMP-EAGA. Projek-projek ini antaranya merangkumi pembinaan jalan raya, landasan kereta api, projek perbekalan kuasa, menaik taraf lapangan terbang, pelabuhan, jaringan telekomunikasi serta kemudahan-kemudahan infrastruktur utama yang lain.

Kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah juga telah mengenalpasti beberapa projek-projek yang berpotensi dibangunkan di Sabah yang antaranya melibatkan pengeratan integrasi ekonomi dengan wilayah Kalimantan Utara, Indonesia.

Sekian, terima kasih.

31 Julai 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 31 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : 64

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah justifikasi bagi tindakan Kerajaan membenarkan Penang Port Sdn. Bhd. menjual keseluruhan aset Feri Pulau Pinang kepada Prasarana Malaysia Berhad pada harga RM1.00. Bukankah ini satu pembuatan "asset-stripping" oleh pemilik induk asalnya, iaitu Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. serta melepaskan beban kewangan kepada anak syarikat GLC.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelabuhan Pulau Pinang telah diswastakan pada 1993 kepada Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) yang dimiliki 100% oleh Menteri Kewangan DiPerbadankan (MKD). Pada 21 November 2013, Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. (SPT) secara rasmi mengambil alih PPSB dengan menandatangani Perjanjian Konsesi Penswastaaan selama 30 tahun selepas menyempurnakan pembelian ekuiti 100% daripada MKD. Selaras dengan perjanjian penswastaaan, 8 buah feri Pulau Pinang yang beroperasi di antara Terminal Raja Tun Uda (TRTU) dan Terminal Sultan Abdul Halim (TSAH) dibeli oleh PPSB daripada MKD.

Kerajaan dimaklumkan bahawa PPSB bersetuju untuk menyerahkan keseluruhan perniagaan dan aset feri yang bernilai RM35 juta kepada Prasarana dengan bayaran nominal sebanyak RM1 bagi membolehkan operasi feri ini dijalankan tanpa melibatkan beban kewangan yang besar kepada Prasarana. Selain itu, Prasarana juga dapat membantu memberikan capaian menyeluruh serta memberi suntikan modal bagi pembaharuan perkhidmatan feri sebagai salah satu *mode* pengangkutan awam utama di Pulau Pinang.

Dalam pada itu, sejak pembukaan Jambatan Pulau Pinang pada tahun 1985 dan Jambatan Kedua pada tahun 2014, wujud penurunan mendadak terhadap permintaan feri. Ini menyebabkan *mode* pengangkutan feri tidak lagi relevan. Berikutan itu, PPSB terpaksa menggunakan hasil pendapatan operasi perkhidmatan pelabuhan bagi *cross subsidies* kos operasi feri yang semakin meningkat akibat daripada penyusutan dalam

ridership penumpang dan kenaikan dalam harga *bunker* serta kos penyelenggaraan feri.

Oleh yang demikian, bagi memastikan perkhidmatan feri Pulau Pinang kekal relevan dan diteruskan untuk kepentingan rakyat jelata, maka Kerajaan sedang mengkaji supaya operasi feri tersebut diserahkan kepada syarikat Prasarana memandangkan syarikat tersebut mempunyai pengalaman yang luas dalam sektor pengangkutan awam dan telah berjaya menerajui Rapid Penang dengan baik.

Model penambahbaikan perkhidmatan feri yang dicadangkan Prasarana kepada Kerajaan adalah dengan menggunakan konsep *Intergrated Transport Orientation Development* (ITOD) atau Pembangunan Intergrasi Berasaskan Pengangkutan di Pulau Pinang memandangkan perkhidmatan feri merupakan salah satu *mode* di dalam rangkaian pengangkutan awam Pulau Pinang.

Selain itu, kedua-dua terminal feri yang terletak bersebelahan dengan stesen bas Rapid di Georgetown dan Butterworth merupakan satu faktor utama untuk membolehkan Prasarana merancang jadual perjalanan feri dengan menyelaraskan jadual perjalanan bas Rapid Penang. Ini bakal meningkatkan jumlah penumpang feri apabila pengguna boleh merancang perjalanan mereka daripada Butterworth ke Georgetown atau sebaliknya.